

Surat khabar: Utusan Sarawak  
Hari/Tarikh: 14/12/2016  
Muka surat: 11

Tajuk : 130 anggota SISPA UNIMAS diraikan

# 130 anggota SISPA UNIMAS diraikan

**OSMAN RAZALI**

**LUNDU:** Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mengambil inisiatif merapatkan ukhwah dalam masa yang sama memantapkan ketahanan diri anggotanya melalui penganjuran program Hari Keluarga.

Pegawai Pertahanan Awam Daerah Betong, Azamsah Apearal memberitahu, program Hari Keluarga Kor SISPA UNIMAS kali ini disertai 130 anggotanya yang terdiri daripada skuad junior, inter dan senior.

"Kita mengucapkan syabas dan tahniah ekoran kejayaan mengadakan program seumpama ini yang mana sebenarnya cukup berguna bagi mengeratkan lagi silaturahim antara sesama anggota termasuk juga jurulatih.

"Pada kesempatan ini juga menjadi peluang kita mengalu-alukan ahli keluarga baharu iaitu skuad junior Kor SISPA UNIMAS.

"Sedikit sebanyak memberi pendedahan awal kepada mereka dan membentuk hubungan baik sebagai satu pasukan iaitu Kor SISPA UNIMAS," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mewakili Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Saribas, Leftenan Kolonel Bersekutu Mohd. Razi Sitam merasmikan program Hari Keluarga Kor SISPA UNIMAS 2016 yang berlangsung di Pantai Pandan dekat sini, semalam.

Katanya, apabila dikatakan sebagai keluarga baharu, sudah pasti ada dalam kalangan anggota yang belum mengenali antara satu sama lain dengan lebih dekat.

"Ini ekoran rata-rata bukan dari jurusan, fakulti dan semester yang sama. Justeru, di sini peluang membentuk dan membina hubungan baik walaupun berasal daripada jurusan, fakulti dan semester yang berbeza," ujarnya.

Menurutnya lagi, dalam kegembiraan menyambut Hari Keluarga terselit juga usaha

dalam memastikan anggota terus dimantapkan dari segi fizikal dan mental.

"Nampaknya ini ialah satu program yang seimbang apabila aktiviti-aktiviti yang dianjurkan berjaya menguatkan daya tahan diri anggota.

"Termasuk juga mampu memupuk semangat berpasukan kalangan anggota Kor SISPA UNIMAS," jelasnya.

Azamsah dalam pada itu mewakili Leftenan Kolonel Bersekutu Mohd. Razi Sitam menyampaikan sumbangan kepada Kor SISPA UNIMAS.

Turut terlibat ketua jurulatih, kalangan pegawai dan anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) serta pegawai UNIMAS.

Program Hari Keluarga Kor SISPA UNIMAS kali ini yang berlangsung sehari diisi dengan pelbagai aktiviti antaranya sukan 'dodgeball', bola tampar, tarik tali, sukaneka dan sebagainya.

Turut hadir Pegawai Pengiring, Nurul Nikmah Abu Samah.



**SOKONGAN ...** Azamsah Apearal mewakili Leftenan Kolonel Bersekutu Mohd. Razi Sitam menyampaikan sumbangan kepada Kor SISPA UNIMAS pada program Hari Keluarga Kor SISPA UNIMAS 2016 yang berlangsung di Pantai Pandan di Lundu, semalam.

